

## **Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki**

TAN YAO SUA

### **PENGENALAN**

Peralihan daripada pemerintahan penjajah kepada pemerintahan sendiri bagi negara yang baru mencapai kemerdekaan sering membabitkan peninjauan semula peranan pendidikan sebagai alat pembinaan negara bangsa dan sebagai saluran mobiliti sosial. Hal ini amat benar dalam kes perkembangan pendidikan di Malaysia pada tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an. Peninjauan semula sistem pendidikan dalam kedua-dua tempoh ini terdesak dilakukan memandangkan kerajaan British telah menginstitusikan sistem pendidikan yang diasangkan mengikut kaum. Sistem pendidikan berasingan ini bukan sahaja menghalang interaksi etnik, malahan mobiliti sosial orang Melayu, iaitu penduduk peribumi negara ini. Usaha penyusunan semula sistem pendidikan ini bagi menangani isu pembinaan negara bangsa dan isu mobiliti sosial orang Melayu dimulakan kerajaan British dan kemudian diteruskan kerajaan Perikatan, iaitu kerajaan tempatan pertama dalam era pasca-penjajah. Bagaimanapun, kerajaan British gagal menyusun semula sistem pendidikan ini. Tugas berat ini diserahkan kepada kerajaan Perikatan. Kerajaan Perikatan tidak menyusun semula sistem pendidikan ini secara mendadak. Sebaliknya, ia menggunakan pendekatan kompromi untuk mengakomodasi keperluan pendidikan semua kumpulan etnik di Persekutuan Tanah Melayu.

Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki adalah dua tokoh pendidikan yang terkemuka pada tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an. Mereka cuba mempertahankan kepentingan pendidikan komuniti masing-masing dalam menghadapi proses penyusunan semula sistem pendidikan. Lim amat mengambil berat kedudukan pendidikan Cina dalam konteks pembinaan negara bangsa. Beliau menyokong kemajmukan budaya untuk mempertahankan kedudukan pendidikan Cina. Aminuddin juga mengambil berat peranan pendidikan sebagai teras pembinaan negara bangsa. Akan tetapi, berbeza daripada Lim, beliau lebih cenderung kepada pendekatan asimilasi dengan mempertahankan satu sistem persekolahan yang sama sebagai asas kepada pembinaan negara bangsa. Tambahan pula, beliau memainkan peranan penting dalam meningkatkan mobiliti pendidikan orang Melayu. Hal ini dilakukan dengan menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan demi memberi kelebihan kepada orang Melayu dalam pendidikan aliran perdana. Sehubungan itu, Lim dan Aminuddin memainkan peranan yang berbeza dalam dua tempoh penting yang membabitkan penyusunan semula sistem pendidikan

negara ini. Rencana ini bermula dengan biodata ringkas Lim dan Aminuddin. Ia kemudian memberi konteks latar berhubung dengan perkembangan pendidikan negara ini pada tahun 1950-an dan awal 1960-an. Ia seterusnya meninjau pendirian Lim dan Aminuddin tentang penubuhan sekolah kebangsaan. Akhir sekali, ia meninjau isu yang dibangkitkan Lim dan Aminuddin berhubung dengan kenaikan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan.

#### BIODATA RINGKAS LIM LIAN GEOK (1901-1985)

Lim Lian Geok dilahirkan pada 19 Ogos 1901 di Kampung Xi Chang di daerah Yongchuan, wilayah Fujian, China. Lim berasal daripada keluarga cendiakiawan. Datuk beliau seorang guru terkenal yang mengendalikan sebuah sekolah persendirian bentuk lama (*sishu*). Lim menerima pendidikan tradisional dalam teks klasik Cina daripada datuknya. Beliau kemudian dididik bapanya setelah datuknya meninggal dunia. Bapanya memperkenalkannya karya tokoh reformasi China, iaitu Kang Youwei dan Liang Qichao. Lim kemudian bekerja di kedai ubat tradisional bapa saudaranya di Xiamen (Amoy) (Tan 1995:6; Yen 2008:211). Walaupun tidak mempunyai pendidikan formal, beliau lulus dalam peperiksaan kemasukan Kolej Jimei, iaitu sebuah institusi pendidikan moden ternama yang diasaskan Tan Kah Kee, maka diterima masuk sebagai guru pelatih. Beliau menjalani kursus latihan perguruan selama lima tahun dengan pengkhususan dalam mata pelajaran Sejarah dan Bahasa Cina. Pada tahun 1924, beliau tamat latihan perguruan dengan keputusan yang cemerlang. Oleh sebab itu, beliau dilantik sebagai guru bahasa kolej tersebut. Namun, kerjaya perguruannya tergендala pada tahun 1926 apabila Kolej Jimei ditutup buat sementara waktu akibat mogok yang dilancarkan pelajar terhadap pihak sekolah yang enggan melaksanakan reformasi pendidikan (Yen 2008:214-215).

Penutupan sementara Kolej Jimei menjadi titik perubahan dalam hidup Lim Lian Geok. Beliau membuat keputusan untuk meninggalkan China untuk pergi ke British Malaya dan Dutch East Indies demi meneruskan kerjaya perguruannya. Oleh itu, beliau tidak kembali ke Kolej Jimei setelah ia dibuka semula. Antara tahun 1927 hingga tahun 1935, kerjaya perguruannya yang tidak menentu itu menyebabkannya berpindah dari sebuah sekolah ke sekolah yang lain. Keadaan itu berubah apabila beliau menjadi guru di Sekolah Menengah Confucius di Kuala Lumpur pada Oktober 1935. Beliau berkhidmat di sekolah ini bagi suatu tempoh yang panjang, iaitu 22 tahun (ibid: 216-217). Semasa mengajar di Kuala Lumpur, beliau mula aktif dalam gerakan pendidikan Cina. Penglibatan beliau dalam gerakan pendidikan Cina bermula setelah melibatkan diri dalam penubuhan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (PGSC) Kuala Lumpur pada tahun 1949 dan dilantik sebagai setiausaha pertubuhan itu. Beliau kemudian menjadi Pengerusi PGSC Kuala Lumpur dari tahun 1950 hingga tahun 1960. Pada asalnya, PGSC Kuala Lumpur ditubuhkan untuk menjaga kebijakan guru

sekolah Cina. Akan tetapi, perubahan politik di Persekutuan Tanah Melayu selepas Perang Dunia II mentransformasikan peranan PGSC Kuala Lumpur. PGSC Kuala Lumpur terlibat dalam gerakan pendidikan Cina untuk mempertahankan kepentingan pendidikan Cina sebagai respons kepada proses penyusunan semula sistem pendidikan yang dijalankan kerajaan British. Proses penyusunan semula itu perlu dilakukan sebagai persediaan untuk menubuhkan kerajaan tempatan Persekutuan Tanah Melayu susulan daripada dekolonialisasi selepas Perang Dunia II. Kerajaan British pula menghadapi tekanan daripada nasionalis Melayu yang semakin tegas menuntut agar kerajaan British mempertahankan kepentingan mereka setelah mereka berjaya menentang cadangan British untuk menubuhkan Malayan Union. Cadangan British untuk menubuhkan Malayan Union pada 1 April 1946 dianggap orang Melayu sebagai pencabulan ke atas kedudukan dan hak istimewa mereka sebagai penduduk peribumi. Cadangan ini menyedarkan orang Melayu tentang hak mereka sebagai penduduk peribumi, termasuk hak bahasa dan pendidikan. Dalam tempoh penyusunan demula sistem pendidikan yang genting ini, Lim Lian Greok mula memainkan peranan penting dalam gerakan pendidikan Cina, terutamanya selepas beliau dipilih sebagai Pengurus Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (GPGSC atau Jiao Zong) pada 19 Disember 1935. Pada masa itu, beliau sudah menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Permohonan kerakyatan beliau diluluskan pada 25 September 1951. Justeru, penglibatan beliau dalam gerakan pendidikan Cina adalah untuk mempertahankan kepentingan orang Cina sebagai rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan bukan kerana ikatan sentimentalnya kepada China.

GPGSC yang ditubuhkan pada tahun 1952 itu adalah badan induk mewakili PGSC pada peringkat daerah dan negeri. Ia cuba memobilisasikan sokongan daripada guru sekolah Cina secara khususnya dan komuniti Cina secara amnya untuk mempertahankan kepentingan pendidikan Cina yang menghadapi penyusunan semula sistem pendidikan yang dimulakan kerajaan British dan kemudian diteruskan kerajaan Perikatan. Perikatan yang ditubuhkan pada pertengahan tahun 1950-an itu terdiri daripada tiga buah parti politik perkauman, iaitu United Malays National Organisation (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Congress (MIC). UMNO dan MIC ditubuhkan pada tahun 1946, manakala MCA ditubuhkan pada tahun 1949. Perikatan diamanatkan kerajaan British untuk membentuk kerajaan pasca-penjajah yang pertama. Ia menggunakan pendekatan kompromi dalam menangani isu bahasa dan pendidikan yang menjadi penghalang kepada usaha untuk melicinkan peralihan daripada pemerintahan penjajah kepada pemerintahan sendiri. Bagaimanapun, pendekatan kompromi yang diusahakan Perikatan ini tidak diterima baik di kalangan orang bukan Melayu, terutamanya pendidik Cina, kerana memihak kepada perkembangan pendidikan Melayu dan menyekat perkembangan pendidikan Cina dalam rangka sistem pendidikan kebangsaan. Bersama-sama dengan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (PPLPSC atau Dong Zong) yang ditubuhkan pada tahun

1954, GPGSC telah membentuk pakatan kuat untuk memperjuangkan kepentingan pendidikan Cina dengan memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak. Kepimpinan PPLPSC terdiri daripada wakil yang dipilih daripada ahli jemaah pengurus atau lembaga pengurus (*dongsi bu*) pada peringkat negeri. GPGSC dan PPLPSC dikenali secara gabungan dengan nama singkatan Dong Jiao Zong. Mereka mempunyai pengaruh ketara dalam mempengaruhi hal ehwal pendidikan kebangsaan (Freedman 2000: 44).

Lim Lian Geok terkenal dengan “pendirian yang tegas dan perjuangan secara berani” (Yen 2008: 252) dalam mempertahankan kepentingan pendidikan Cina atas landasan kesaksamaan dan keadilan untuk orang Cina di negara ini. Beliau memimpin GPGSC dari bulan Disember 1951 hingga bulan Disember 1961. Tugas pertamanya selepas menjadi Pengerusi GPGSC ialah melancarkan secara rasminya kempen untuk menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi Persekutuan. Beliau mempercayai satu-satunya cara untuk mempertahankan status pendidikan Cina adalah dengan menuntut kedudukan yang sah bagi status bahasa Cina. Tanpa kedudukan itu, status pendidikan Cina tidak akan terjamin. Beliau menyokong kemajmukan budaya sebagai konsep pembinaan negara bangsa yang terbaik dalam masyarakat majmuk. Akan tetapi, pendiriannya terhadap pembinaan negara bangsa tidak diterima baik oleh British dan elit politik Perikatan yang cuba mengadakan satu sistem pendidikan unitari berdasarkan penggunaan satu bahasa yang sama sebagai teras utama pembinaan negara bangsa. Beliau tidak dapat menerima konsep pembinaan negara bangsa ini dan atas pendiriannya yang tegas dalam mempertahankan pendidikan Cina, beliau dianggap kerajaan Perikatan sebagai penghalang kepada usaha untuk menyusun semula sistem pendidikan. Permit guru dan status kerakyatannya ditarik balik pihak berkuasa pada tahun 1961. Susulan itu, beliau meletakkan jawatan sebagai Pengerusi GPGSC. Beliau meninggal dunia pada tahun 1985 setelah jatuh sakit. Setelah meninggal dunia, beliau disanjung sebagai *Zu Hun* (Roh Bangsa) orang Cina negara ini bagi memperingatkan dedikasi dan kebaktiannya terhadap perkembangan pendidikan Cina. Satu yayasan atas namanya telah ditubuhkan. Yayasan Lim Lian Geok menjalankan pelbagai aktiviti, termasuk syarahan umum, seminar dan penerbitan hasil penulisan Lim, untuk menonjolkan sumbangan Lim kepada perkembangan pendidikan Cina. Sejak tahun 1987, pendidik Cina meraikan *Hua Jiao Jie* atau Perayaan Pendidikan Cina sempena ulang tahun permergian Lim. Tokoh pendidikan kaum Cina berhimpun untuk meraikan majlis perayaan yang mulia ini dengan berjanji untuk mendukung *Lin Lianyu Jinshen* atau Semangat Lim Lian Geok di samping memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada individu atau institusi yang telah menyumbang ke arah perkembangan pendidikan Cina (Yen 2008: 252).

#### BIODATA RINGKAS AMINUDDIN BAKI (1926-1965)

Aminuddin Baki lahir pada 26 Januari 1926 di Chemor, Perak. Setelah menerima pendidikan rendah di sekolah Melayu, beliau menyambung pendidikan

menengahnya di Sekolah Anderson, Ipoh, menerusi saluran Kelas Melayu Khas. Pendidikan menengahnya tergendala kerana Pendudukan Jepun semasa Perang Dunia II. Beliau menyambung semula pendidikan menengah setelah Jepun dikalahkan dan memperoleh Cambridge School Certificate pada tahun 1946. Beliau melanjutkan pelajaran di Kolej Raffles pada tahun 1947. Pada tahun 1949, beliau memasuki Universiti Malaya dan memperoleh ijazah sarjana muda sastera dalam bidang sejarah. Pada tahun 1952, beliau ditawarkan Biasiswa Queen untuk mengikuti pengajian tinggi lanjutan di Institut Pendidikan, Universiti London. Beliau memperoleh ijazah sarjana daripada Universiti London pada tahun 1953 dengan pengkhususan dalam bidang Kaedah Pendidikan. Sebaik sahaja pulang ke tanah air, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). MPSI yang telah ditubuhkan pada tahun 1922 itu terkenal dengan sumbangannya terhadap kebangkitan nasionalisme Melayu (Roff 1974). Walaupun berkhidmat untuk satu tempoh yang pendek di MPSI, penglibatan beliau dengan MPSI telah menyemaikan sentimen nasionalis dalam sanubari beliau untuk mempertahankan kepentingan orang Melayu. Beliau kemudian memegang beberapa jawatan penting dalam kerajaan, termasuk Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Sembilan dan Selangor. Kemuncak kerjayanya adalah ketika beliau dilantik sebagai Ketua Penasihat Pelajaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1961. Beliau memegang jawatan itu sehingga pemergiannya pada 24 Disember 1965 (Hamdan 1987: 4-5; Mohd. Tajuddin 1987; Sohaimi et al. 2007; Sulaiman 1994). Memang tidak diragui bahawa kedudukannya dalam kerajaan telah memberi peluang kepadanya untuk terlibat dalam perancangan pendidikan negara ini pada waktu negara ini sedang mengalami proses penyusunan semula pendidikan.

Aminuddin Baki aktif dalam gerakan pelajar Melayu. Beliau merasa keterdesakan untuk menggembelengkan pelajar Melayu menjadi barisan yang bersatu padu untuk memperjuangkan kepentingan pendidikan Melayu yang tidak diberi keutamaan dengan sewajarnya oleh kerajaan British. Penglibatannya dalam gerakan pelajar bermula semasa beliau belajar di Kolej Raffles dan memuncak apabila beliau bersama-sama dengan pemimpin pelajar yang lain membantu dalam penubuhan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada tahun 1948. Walaupun beliau memainkan peranan penting dalam penubuhan GPMS selaku setiausaha jawatankuasa sementara, beliau enggan dilantik sebagai ahli jawatankuasa GPMS setelah ia ditubuhkan kerana komitmennya kepada tugas lain (Mohd. Tajuddin 1987: 15). Bagaimanapun, beliau kemudian dapat meluangkan masa untuk memimpin GPMS. Namun, beliau hanya dapat memimpin GPMS untuk dua penggal, iaitu dari tahun 1949 hingga tahun 1950 dan dari tahun 1951 hingga tahun 1952. Hal ini disebabkan kesibukannya dalam menjalankan tugas lain. Ketika itu, beliau menjadi pegawai pendidikan penting di Persekutuan Tanah Melayu. Akan tetapi, hubungannya dengan GPMS tidak terputus selaku Penasihat GPMS sehingga pemergiannya pada tahun 1965.

Aminuddin Baki dilantik sebagai ahli lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). DBP yang ditubuhkan pada tahun 1956 itu adalah untuk mengawasi perancangan bahasa dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang lebih luas serta perkembangan kesusastraan Melayu. Perlantikannya disebabkan komitmennya kepada perkembangan bahasa dan pendidikan Melayu. Penglibatannya dengan DBP telah memperkuuh komitmennya kepada perkembangan bahasa dan pendidikan Melayu.

Aminuddin Baki telah memberi sumbangan ketara ke atas perkembangan dasar pendidikan menerusi penglibatannya dalam beberapa jawatankuasa pendidikan yang penting. Beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Barnes pada tahun 1951 untuk meninjau masalah pendidikan Melayu (Federation of Malaya 1951a:iii). Pada masa itu, beliau adalah Presiden GPMS. Perlantikannya sebagai ahli Jawatankuasa Barnes boleh dianggap sebagai pengiktirafan terhadap peranan yang dimainkan GPMS dalam mempertahankan kepentingan pendidikan Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Jawatankuasa Barnes terkenal dengan perakuannya untuk menubuhkan sekolah kebangsaan bagi menggantikan sistem sekolah vernakular. Aminuddin juga terlibat dalam penggubalan Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956. Laporan ini lebih dikenali sebagai Laporan Razak mengambil sempena nama pengerusi jawatankuasa tersebut, iaitu Dato' Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran masa itu. Walaupun tidak terlibat sebagai ahli dalam Jawatankuasa Razak, beliau menyumbangkan pendapat dengan mengemukakan Memorandum tentang Cadangan Sistem Pendidikan Kebangsaan kepada Jawatankuasa Razak (Federation of Malaya 1956: 42). Laporan Razak disanjung banyak pihak sebagai menyediakan asas kepada dasar pendidikan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka (Chai 1977: 24) dan sebagai dokumen yang paling kuat mempengaruhi perkembangan pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu (Roff 1967). Pada dasarnya, Laporan Razak memilih penyelesaian secara kompromi untuk menangani tuntutan etnik yang berbeza terhadap isu bahasa dan pendidikan. Ia tidak cuba merombak sistem pendidikan secara mendadak. Sebaliknya, ia membenarkan kepelbagaiannya budaya pada takat tertentu dalam sistem pendidikan. Bagaimanapun, kebenaran ini adalah tertakluk kepada penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama yang lebih besar. Selain sumbangan terhadap Jawatankuasa Barnes dan Razak, Aminuddin dilantik untuk menganggotai jawatankuasa perundingan guru dalam Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960 selaku Ketua Pegawai Pelajaran Selangor (Federation of Malaya 1960: 61). Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran juga dikenali sebagai Jawatankuasa Rahman Talib mengambil sempena nama Abdul Rahman bin Haji Talib, Menteri Pelajaran ketika itu. Jawatankuasa Rahman Talib ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan Laporan Razak. Ia telah memperakukan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Hal ini dilakukan dengan menukar sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan. Akhir sekali, Aminuddin dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa

Kerajaan untuk Menyiasat Kelemahan Murid-Murid Melayu yang Memasuki Sekolah-Sekolah Menengah. Tugas ini diamanatkan kepadanya kerana keprihatinannya ke atas perkembangan pendidikan orang Melayu dan pengalaman luasnya dalam perancangan pendidikan. Laporan jawatankuasa ini yang juga dikenali sebagai Laporan Aminuddin Baki diterbitkan pada tahun 1962.

#### PERKEMBANGAN PENDIDIKAN PADA TAHUN 1950-AN DAN AWAL 1960-AN

Tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an adalah dua tempoh genting dalam perkembangan pendidikan negara ini. Peralihan daripada pemerintahan penjajah kepada pemerintahan sendiri dalam kedua-dua tempoh itu telah membangkitkan persoalan tentang kesan buruk sistem persekolahan berasingan yang diwujudkan kerajaan British ke atas peranan pendidikan sebagai alat untuk pembinaan negara bangsa. Turut dibangkitkan adalah jurang perbezaan kemajuan pendidikan antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu, terutamanya orang Cina. Jurang ini adalah hasil daripada dasar pendidikan yang dilaksanakan kerajaan British. Kerajaan British melaksanakan dasar pendidikan *laissez faire* untuk membenarkan orang Cina memperkembangkan pendidikannya. Sebaliknya, dasar pendidikan dualistik dilaksanakan untuk orang Melayu. Dasar ini hanya memanfaatkan sekumpulan kecil orang Melayu, terutamanya yang berketurunan bangsawan, yang ditawarkan pendidikan Inggeris elit. Sementara itu, golongan Melayu yang bermastautin di kawasan luar bandar sengaja digalakkan kerajaan British untuk memasuki sekolah Melayu yang terhad nilai instrumental. Kedua-dua dasar ini yang dilaksanakan dalam kerangka sistem pendidikan berasingan adalah untuk mendukung tujuan “pecah dan perintah” kerajaan British.

Tahun 1950-an adalah tempoh dekolonialisasi selepas Perang Dunia II. Memandangkan pemerintahan sendiri pada akhirnya tidak dapat dielakkan, kerajaan British mula menggubal dasar pendidikan bagi menyatukan sistem pendidikan berasingan di Persekutuan Tanah Melayu yang berkembang maju dengan kemasukan orang Cina dan India secara beramai-ramai pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sistem sekolah berasingan yang menggunakan bahasa pengantar yang berbeza ini adalah kesan secara langsung daripada dasar pecah dan perintah yang diamalkan kerajaan British bagi mempertahankan kepentingannya. Bagaimanapun, keadaan berubah dengan belakunya proses dekolonialisasi dan kemungkinan pemerintahan sendiri. Pendirian kerajaan British ke atas sistem pendidikan ini turut berubah kerana sistem pendidikan ini tidak lagi memenuhi kepentingannya. Kerajaan British menganggap sistem pendidikan berasingan ini bukan sahaja tidak dapat memainkan fungsinya, bahkan menjaskannya perpaduan kaum dan oleh itu, usaha telah dibuat untuk menyusun semula sistem pendidikan itu. Selain peranan pendidikan dalam konteks pembinaan negara bangsa, kerajaan British juga sedar akan

keterdesakkan untuk memajukan pendidikan orang Melayu yang ketinggalan daripada orang Cina. Dalam proses penyusunan semula sistem pendidikan ini, Lim dan Aminuddin telah memainkan peranan yang berbeza.

Usaha kerajaan British untuk menyusun semula sistem pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu tertumpu kepada sekolah rendah. Melalui Jawatankuasa Barnes yang ditubuhkan pada tahun 1950, kerajaan British memperakarkan penubuhan jenis sekolah rendah atau sekolah kebangsaan yang terbuka kepada semua kaum. Perakuan ini didasari matlamat untuk membentuk kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu yang sama dengan mengorganisasikan semula sekolah yang sedia ada mengikut asas hubungan kaum (Federation of Malaya 1951a: 20). Dari segi inti patinya, sekolah kebangsaan menjadi sekolah dwibahasa dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serentak sebagai bahasa pengantar utama (*ibid*: 22). Dengan kata lain, Jawatankuasa Barnes cuba menjadikan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, iaitu dua bahasa rasmi Persekutuan, sebagai teras utama pembinaan negara bangsa. Hal ini berbeza daripada pendirian kerajaan British sebelumnya yang mengutamakan bahasa Inggeris sebagai bahasa tunggal untuk memupuk perpaduan kaum. Laporan pertama Jawatankuasa Pusat Penasihat Pendidikan (JPPP) atau Laporan Holgate (mengambil sempena nama Pengerusi JPPP, H. R. Holgate) yang diterbitkan sebelum Laporan Barnes secara tegas menyatakan bahawa “satu-satunya bahasa yang akan diterima semua adalah bahasa Inggeris, sementara bahasa Melayu – bahasa rasmi yang satu lagi – akan terus diperlukan orang Melayu sebagai ‘bahasa keluarga’ mereka dan kaum lain bagi tujuan kerakyatan (Federation of Malaya 1950: perenggan 5). Nampaknya, kerajaan British pada akhirnya menerima hakikat bahawa proses pembinaan negara bangsa tidak akan dapat direalisasikan sekiranya tidak merangkumi proses *indigenization*. Justeru, kerajaan British perlu memberi peranan sewajarnya kepada bahasa komuniti peribumi, iaitu bahasa Melayu, dalam proses pembinaan negara bangsa.

Kenaikan taraf bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa pengantar dalam sekolah kebangsaan juga untuk menangani masalah mobiliti pendidikan orang Melayu. Lebih penting lagi, tuntutan orang Melayu ke atas peluang pendidikan yang lebih banyak, yang didorong sentimen nasionalistik yang kuat untuk mempertahankan kepentingan mereka, memuncak setelah mereka berjaya menggagalkan penubuhan Malayan Union. Kerajaan British mula sedar bahawa ia tidak dapat lagi menyekat perkembangan pendidikan Melayu. Sejak campur tangan British di Negeri-Negeri Melayu, peruntukan pendidikan Melayu telah digunakan sebagai satu bentuk kawalan sosial untuk mengongkong orang Melayu memasuki milieusosial mereka (Haris 1983: 27). Berkat usaha A. M. Skinner, begitu banyak sekolah Melayu ditubuhkan untuk menawarkan pendidikan percuma kepada orang Melayu. Akan tetapi, pendidikan Melayu hanya mampu menawarkan mobiliti pendidikan yang terhad kepada orang Melayu. Mereka hanya dibenarkan melalui empat tahun pendidikan rendah.

Orang Melayu yang menetap di kawasan luar bandar tidak berpeluang memasuki sekolah Inggeris yang menjadi aluran mobiliti sosial utama pada zaman penjajahan. Hal ini kerana hampir semua sekolah Inggeris terletak di bandar. Satu-satunya peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran melepas tahap asas adalah dengan beralih ke Kelas Melayu Khas di sekolah kerajaan Inggeris pada tahun keempat bagi pelajar lelaki dan pada tahun ketiga bagi pelajar perempuan (Chai 1977: 18-19). Mereka kemudian dibenarkan melanjutkan pelajaran menengah dalam bahasa Inggeris setelah menghadiri kursus intensif selama dua tahun. Bagaimanapun, peluang sedemikian hanya diberi kepada pelajar Melayu yang cerdik. Justeru, pendidikan sebahagian besar orang Melayu adalah terhad kepada empat tahun pendidikan asas. Ramai orang Melayu terperangkap di kawasan luar bandar tanpa sebarang saluran peningkatan mobiliti sosial. Hanya sebilangan kecil yang berpeluang melanjutkan pelajaran menengah melalui saluran Kelas Melayu Khas yang ditubuhkan di sekolah Inggeris sejak tahun 1919. Oleh itu, penubuhan MPSI adalah “mercu sistem pendidikan rendah Melayu” (Loh 1975: 87) pada tahun 1922 untuk melatih guru sekolah Melayu untuk mengongkong mobiliti sosial orang Melayu. Dasar menghalang mobiliti pendidikan orang Melayu yang berteraskan dasar pecah dan perintah British. British itu amat mengkhawatiri kesan tindak balas “lebihan pendidikan” dalam kalangan orang Melayu yang mungkin menyebabkan kebangkitan kesedaran politik. Pengalaman mereka di benua kecil India menunjukkan hal ini menjelaskan kepentingan mereka (Zawiah 2003: 62). Di pihak lain, British tidak campur tangan dalam pendidikan Cina. Orang Cina bukan sahaja berpeluang memasuki sekolah Inggeris, malahan sekolah Cina yang berkembang maju pada zaman penjajahan. Lulusan daripada sekolah Cina amat popular sebagai pekerja di sektor perniagaan dan perindustrian Cina. Mereka juga boleh melanjutkan pelajaran tinggi di Taiwan dan Tanah Besar China.

Walaupun perkembangan pendidikan Melayu mencapai kemajuan yang signifikan dalam Laporan Barnes, orang Melayu tetap tidak berpuas hati dengan kerajaan British yang terus memberi keutamaan kepada pendidikan Inggeris di peringkat menengah (Ramanathan 1992). Bagi orang bukan Melayu pula, mereka berasa cemas terhadap perakuan Laporan Barnes untuk menubuhkan satu jenis sistem sekolah untuk menggantikan sistem sekolah vernakular. Pendidik Cina mengkhawatiri langkah ini akan menyebabkan pemansuhan sekolah Cina. Bagaimanapun, usaha untuk menyusun semula sistem pendidikan dirumitkan dengan penerbitan Laporan Fenn-Wu sejurus selepas Laporan Barnes. Jawatankuasa Fenn-Wu dilantik Persuruhjaya Tinggi, Sir Henry Gurney, untuk meninjau keadaan pendidikan Cina di Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya 1951b). Perlantikan ini barangkali adalah langkah kerajaan British untuk menenangkan orang Cina yang amat bimbang akan kedudukan pendidikan Cina yang tidak menentu di bawah pelan penyusunan semula pendidikan yang dijalankan kerajaan British. Laporan Fenn-Wu merakamkan rasa simpati terhadap pendidikan Cina dan cuba menunjukkan

sumbangan pendidikan Cina yang berkesan terhadap pembentukan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu dan pemupukan kesedaran nasional dalam cara yang dapat diterima oleh komuniti Cina (Wong & Ee 1971: 54). Pada umumnya, Laporan Fenn-Wu menyokong kepelbagaian bahasa sebagai cara pembinaan negara bangsa yang wajar dilaksanakan di Persekutuan Tanah Melayu.

Perbezaan pendapat yang diungkapkan Jawatankuasa Barnes dan Fenn-Wu telah meletakkan kerajaan British dalam keadaan yang sukar. Dalam usaha untuk menyelesaikan kebuntuan ini, JPPP yang dipengerusikan L. D. Whitfield, Pengarah Pelajaran ketika itu, diarah untuk mencari penyelesaian alternatif. Hasilnya ialah Laporan Kedua JPPP. Laporan Kedua JPPP menerima perakuan Laporan Barnes untuk menubuhkan sekolah kebangsaan. Namun, jenis sekolah kebangsaan yang diperakukannya berbeza daripada yang diperakukan Laporan Barnes dari segi cara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar. Sementara Laporan Barnes memperakukan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu serentak, Laporan Kedua JPPP pula memperakukan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu berasingan sebagai bahasa pengantar (Tan 1997: 60). Di pihak lain, berbeza daripada Laporan Barnes, Laporan Kedua JPPP tidak memperakukan pemansuhan sekolah vernakular yang dibantah gigih oleh pendidik Cina. Sebaliknya, ia cuba menukar sekolah vernakular kepada sekolah kebangsaan dengan cara memujuk dan memberi ganjaran bantuan kewangan, walaupun ia menegaskan bantuan kewangan kepada sekolah vernakular patut diteruskan “selagi tidak ada sekolah kebangsaan yang mencukupi untuk mengambil alih tempat mereka” (Tan 1997: 60).

Pada 20 September 1951, Laporan Kedua JPPP diserahkan kepada Jawatankuasa Khas tentang Pendidikan yang diketuai oleh Peguam Negara. Jawatankuasa Khas ini akan mengemukakan laporan tersendiri bagi membuat perakuan perundungan yang merangkumi kesemua aspek dasar pendidikan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Orang bukan Melayu merasa hampa kerana Jawatankuasa Khas menyetujui perakuan Laporan Kedua JPPP tentang penubuhan sekolah kebangsaan. Bagaimanapun, ia juga memperakukan penyediaan kemudahan untuk mengajar bahasa Cina dan bahasa Tamil “kepada kanak-kanak yang ibu bapa mereka memerlukannya dan sekurang-kurangnya 15 orang murid dalam mana-mana satu darjah yang ingin menggunakan kemudahan ini” (Federation of Malaya 1951c: perenggan 15).

Ordinan Pelajaran 1952 adalah percubaan pertama kerajaan British mengkanunkan dasar pendidikan kebangsaan. Ia menerima kebanyakan perakuan Jawatankuasa Khas, termasuk penubuhan sekolah kebangsaan dan peruntukan untuk mengajar bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran dalam kurikulum sekolah kebangsaan. Biarpun dengan kelulusan undang-undang ini, projek sekolah kebangsaan gagal dilancarkan kerana menghadapi banyak rintangan. Pertama, ia ditentang kuat orang bukan Melayu yang hanya bersedia untuk menerima bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai

mata pelajaran dan bukan sebagai bahasa pengantar. Kedua, ia memerlukan perbelanjaan kewangan yang besar yang tidak mampu disediakan kerajaan British kerana menghadapi defisit belanjawan besar. Ketiga, kekurangan guru yang mahir dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu untuk melaksanakan projek ini (Chang 1973: 45; Wong & Ee 1971: 55). Bagaimanapun, kerajaan British tidak menangguhkan projek ini dan sebaliknya mencuba cara pelaksanaan yang lain. Untuk mencapai tujuan ini, Jawatankuasa Khas tentang Pelaksanaan Dasar Pendidikan dilantik Persuruhjaya Tinggi. Laporan jawatankuasa ini yang juga dikenali sebagai Kertas Putih diterbitkan pada Oktober 1954. Ia memperakarkan pengenalan ciri sekolah kebangsaan ke dalam sekolah vernakular yang sedia ada (Federation of Malaya 1954: perenggan 50). Seperti yang boleh dijangkakan perakuan ini ditolak secara bulat-bulat oleh orang bukan Melayu yang enggan membenarkan penubuhan kelas aliran kebangsaan di sekolah vernakular. Kertas Putih 1954 adalah percubaan terakhir kerajaan British untuk membentuk sistem sekolah kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu.

Sehingga menjelang kemerdekaan, barulah elit politik Perikatan mengemukakan penyelesaian yang bersifat kompromi bagi menangani masalah penyusunan semula sistem pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu. Elit politik Perikatan menghadapi tekanan besar daripada pendidik Cina dan nasionalis Melayu yang bertekad untuk mempertahankan kepentingan pendidikan masing-masing. Ketika itu, pendidik Cina bertegas menuntut bahasa Cina diiktiraf sebagai salah satu bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu demi mendapatkan kelulusan undang-undang bagi menuntut kedudukan pendidikan Cina yang sah (Tan 1997). Sementara itu, nasionalis Melayu yang kecewa dengan keterbatasan mobiliti pendidikan dalam kalangan orang Melayu menuntut perhatian yang lebih diberi kepada pendidikan Melayu, terutamanya pada peringkat menengah. Mereka juga menuntut bahasa Melayu dinaikkan taraf sebagai bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem pendidikan (Ramanthan 1992).

Tuntutan yang berbeza daripada pendidik Cina dan nasionalis Melayu mengekangkan Perikatan yang menghadapi pilihan raya Perundangan Persekutuan pertama yang dijadualkan pada 27 Julai 1955. Tuntutan ini perlu diselesaikan secara memuaskan untuk memperkuuhkan peluang mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya tersebut. Pada takat tertentu, pilihan raya tersebut menjadi ujian getir kepada Perikatan tentang kekuatan dan kesahihannya untuk membentuk kerajaan pasca-penjajah pertama pada akhirnya. Tugas Perikatan ini menjadi lebih sukar atas persaingan sengit daripada Parti Islam SeMalaya (PAS) dan Parti Negara. Sementara Perikatan adalah pakatan tiga buah parti yang memenuhi kepentingan tiga kumpulan etnik utama, PAS dan Parti Negara menjadi parti Melayu yang menjuarai kepentingan orang Melayu, termasuk tuntutan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perikatan amat bimbang akan kekuatan Parti Negara yang dipimpin Dato' Onn Jaafar, pengasas UMNO yang sebelum ini meninggalkan parti atas perbezaan pendapat dengan

pemimpin lain yang tidak dapat diselesaikan berhubung dengan cadangan beliau untuk memperluas UMNO kepada orang bukan Melayu agar UMNO dapat berjuang atas landasan bukan perkauman (Ratnam 1965). Menerusi rundingan yang diusahakan MCA di Melaka, Perikatan berjaya menyakinkan pendidik Cina untuk menangguhkan tuntutan mereka buat sementara waktu dan berjanji akan meminda Ordinan Pelajaran 1952 serta menggubal satu dasar pendidikan baru yang adil kepada semua kumpulan etnik (Dong Zong Chuban Zu 1987, Jilid III: 587). Secara khusus, Manifesto Perikatan mengandungi perisytiharan Perikatan yang memberlakukan sekolah vernakular berkembang secara biasa selain menggalakkan dan bukan memusnahkan sekolah, bahasa dan budaya mana-mana kaum yang menetap di negara ini. Perikatan juga memberi janji yang sama berhubung dengan perkembangan pendidikan Melayu dan bahasa Melayu dalam manifesto ini (Heng 1988: 203-204). Akhirnya, Perikatan berjaya mendapatkan mandat rakyat untuk membentuk kerajaan tempatan pertama. Ia memperoleh kemenangan besar dengan menguasai 51 daripada 52 kawasan pertandingan dan memperoleh 80 peratus undi sokongan (*ibid*: 201).

Jawatankuasa Razak yang ditubuhkan selepas pilihan raya adalah percubaan Perikatan untuk menunaikan janji yang dibuat semasa pilihan raya. Bagaimanapun, elit politik Perikatan mula sedar mereka tidak mampu menunaikan semua janji kerana perlu “mengimbangi satu set faktor yang rumit dalam menggubal semula dasar pendidikan” (Tan 1997: 166). Mereka perlu mencari penyelesaian yang bersifat kompromi yang berasaskan semangat bertolak ansur. Sebagai kompromi kepada orang Cina, Jawatankuasa Razak mengikitraf sekolah rendah vernakular Cina sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan dengan syarat semua sekolah rendah menggunakan isi kandungan kurikulum yang sama untuk mendorong proses pembudayaan (Federation of Malaya 1956: perenggan 11 dan 54). Tujuannya adalah untuk mengadakan satu jenis sekolah rendah yang sama seperti mana yang diperakuan Ordinan Pelajaran 1952 digugurkan oleh Laporan Razak. Bagaimanapun, status sekolah menengah Cina diselubungi kekaburuan. Nampaknya, ada rancangan jangka panjang untuk menukar sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam perenggan 70 Laporan Razak yang menyebut: “tujuan [pendidikan menengah] seharusnya untuk menubuhkan satu jenis Sekolah Menengah Kebangsaan yang menyediakan pelajar belajar ke arah satu peperiksaan akhir yang sama” (*ibid*: perenggan 70). Rupanya, tujuan ini berkait dengan satu lagi perakuan utama Jawatankuasa Razak yang selaras dengan kepentingan orang Melayu, iaitu untuk menaikkan taraf bahasa Melsayu secara beransur-ansur sebagai bahasa pengantar utama sistem pendidikan. Perakuan ini diisyiharkan Laporan Razak sebagai matlamat akhir dasar pendidikan (*ibid*: perenggan 12). Walaupun dibantah dengan keras oleh pendidik Cina, Jawatankuasa Razak hanya bersedia untuk menerima sekolah rendah Cina sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan

dan bukan sekolah menengah Cina. Penerimaan kedua-dua sekolah rendah dan menengah Cina sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan tidak akan diterima baik oleh nasionalis Melayu yang antara lain, tidak berpuas hati dengan Jawatankuasa Razak yang tidak menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan (Haris 1983). Hal ini juga akan membenarkan pelajar Cina melalui keseluruhan pendidikan mereka dalam bahasa Cina dan lantaran itu menjelaskan tujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama bagi memupuk perpaduan. Dalam konteks ini, Jawatankuasa Razak mencadangkan pendidikan dwibahasa transisi sebagai langkah untuk mencapai perpaduan nasional dalam kalangan orang Cina (Solomon 1988: 27). Dengan kata lain, pelajar Cina dikehendaki beralih kepada bahasa pengantar Melayu setelah menghabiskan pendidikan rendah dalam bahasa ibunda selama enam tahun untuk mendukung proses pembinaan negara bangsa. Oleh itu, Jawatankuasa Razak berpendirian bahawa peruntukan enam tahun pendidikan rendah dalam bahasa ibunda orang Cina sudah memadai untuk mereka mengekalkan bahasa dan budaya mereka. Seterusnya, mereka perlu memenuhi aspirasi nasional dengan memasuki sekolah menengah aliran kebangsaan. Walaupun Jawatankuasa Razak tidak menekankan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dengan kadar yang segera atas masalah awal seperti kekurangan guru yang mahir dalam bahasa Melayu dan masalah berhubung dengan perancangan korpus bahasa, ia telah mencadangkan beberapa insentif dan ganjaran untuk menguasai bahasa Melayu ke suatu tahap mutu yang mencukupi. Pertama, kelayakan bahasa Melayu akan dijadikan syarat kemasukan ke pelbagai tingkatan perkhidmatan kerajaan. Kedua, bahasa Melayu akan dijadikan salah satu faktor yang dipertimbangkan dalam pemilihan kemasukan pendidikan menengah dan wajib dalam semua peperiksaan kerajaan. Ketiga, bahasa Melayu akan dijadikan prasyarat kepada sesiapa yang ingin memohon biasiswa daripada dana awam. Keempat, bonus akan diberi untuk menggalakkan penguasaan bahasa dengan lebih cepat dalam pelbagai tahap perkhidmatan kerajaan. Kelima, sebahagian bantuan modal kepada sekolah akan bergantung kepada kejayaan dalam pembelajaran bahasa Melayu sebelum kemudahan yang mencukupi disediakan. Keenam, bahasa Melayu akan dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran yang wajib dalam kursus latihan perguruan dan peperiksaan (Federation of Malaya 1956: perenggan 23). Penekanan Jawatankuasa Razak ke atas perkembangan pendidikan Melayu dan bahasa Melayu mendorong penubuhan kelas menengah yang mengajar dalam bahasa Melayu bagi menampung keperluan pendidikan orang Melayu (Federation of Malaya 1960: perenggan 24).

Matlamat akhir Laporan Razak untuk menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama hanya direalisasikan pada awal tahun 1960-an dengan tergubalnya Laporan Rahman Talib. Jawatankuasa Rahman Talib telah memperakukan pertukaran semua sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan dan bantuan kerajaan akan ditarik balik sekiranya

sekolah menengah Cina tidak berbuat demikian (*ibid*: perenggan 67). Pertukaran aliran ini dianggap Jawatankuasa Rahman Talib sebagai yang perlu kerana jawatankuasa ini berpendapat bahawa “adalah mustahil dalam rangka dasar yang betul-betul bersifat kebangsaan hendak memenuhi sepenuhnya semua tuntutan setiap kumpulan budaya dan bahasa di negara ini” (*ibid*: perenggan 20). Tambahan pula, jawatankuasa ini juga berpendapat adalah tidak sepadan dengan dasar pendidikan kebangsaan yang dirangka untuk memupuk kesedaran nasional dan bertujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan untuk melanjutkan dan mengekalkan perbezaan kaum dalam keseluruhan sistem pendidikan yang dibiayai oleh wang orang ramai (*ibid*: perenggan 18). Bagaimanapun, Jawatankuasa Rahman Talib telah mengekalkan sistem sekolah pelbagai bahasa pada peringkat rendah seperti yang dicadangkan Jawatankuasa Razak. Hal ini nampaknya adalah untuk menjamin hak asasi orang bukan Melayu untuk mengekalkan bahasa dan budaya mereka.

Perakuan Laporan Rahman Talib untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pada peringkat menengah dikanunkan Akta Pelajaran 1961 yang hanya membenarkan dua jenis sekolah menengah bantuan penuh, iaitu sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dengan bahasa Inggeris diajar sebagai mata pelajaran wajib dan sekolah menengah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dengan bahasa Melayu diajar sebagai mata pelajaran wajib. Kedua-dua jenis sekolah ini akan membenarkan pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran (Federation of Malaya 1961: 222-223). Oleh sebab terdesak untuk mendapatkan bantuan kewangan, kebanyakan sekolah menengah Cina mengakuri dasar pendidikan dan menjadi sekolah menengah jenis kebangsaan. Bagi sekolah yang tidak mengakuri dasar pendidikan baru, mereka kekal sebagai sekolah menengah persendirian Cina. Sekolah jenis ini bukan sahaja tidak diberi bantuan kerajaan, malahan kelayakan akademiknya juga tidak diiktiraf kerajaan. Walaupun sekolah menengah jenis kebangsaan pada awalnya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, mereka akhirnya bertukar kepada bahasa pengantar Melayu apabila satu dasar pendidikan baru digubal pada tahun 1970 untuk menguatkuaskan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

#### PENUBUHAN SEKOLAH KEBANGSAAN

Perakuan kerajaan British untuk menujuhkan sekolah kebangsaan sebagai teras pembinaan negara bangsa adalah isu pendidikan utama sepanjang proses penyusunan semula sistem pendidikan pada tahun 1950-an. Ia membangkitkan pendirian yang berbeza antara penyokong dengan pembangkang sekolah kebangsaan. Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki mempunyai pandangan yang berbeza dalam isu ini. Lim bertegas dengan pendiriannya untuk menentang penubuhan sekolah kebangsaan sebagai teras pembinaan negara bangsa kerana

menganggap usaha ini bersifat asimilatif dari segi tujuannya. Beliau menegaskan orang Cina tidak sepatutnya dipaksa untuk meninggalkan bahasa dan budayanya. Beliau berpendapat dalam masyarakat majmuk, tradisi budaya yang berbeza mesti diberi hak untuk wujud dan kebebasan untuk berkembang (Tan 1995: 21). Ketika penubuhan sekolah kebangsaan buat kali pertama dicadangkan Jawatankuasa Barnes, beliau menuduh jawatankuasa ini cuba memansuhkan sekolah Cina menerusi penubuhan sekolah kebangsaan. Pada 23 Ogos 1951, PGSC Kuala Lumpur yang dipimpin Lim mengemukakan beberapa sebab untuk membantah Laporan Barnes. Ia memetik kes beberapa buah negara Barat seperti Perancis, Kanada dan Switzerland dengan beberapa jenis bahasa telah wujud bersama dan menyumbangkan perpaduan dan ketaatan dalam kalangan penduduk yang menetap di negara itu. Satu lagi isu yang dibangkitkan PGSC Kuala Lumpur ialah penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan telah membelaikan kepentingan bahasa ibunda dalam mendorong proses pembelajaran kanak-kanak Cina (Jiao Zong 33 Nian Bianji Shi 1987: 296). Sesungguhnya, komitmen kuat terhadap pendidikan bahasa ibunda adalah salah satu teras utama gerakan pendidikan Cina. Selain mendorong proses pembelajaran, usaha untuk mengekalkan identiti dan budaya melalui pendidikan bahasa ibunda juga menjadi tumpuan utama pendidik Cina. Seperti yang ditegaskan oleh Kuhn (2008:306), “orang Cina melihat identiti individu dan komuniti mereka sebagai bergantung kepada kesinambungan bahasa. Kesinambungan ini hanya dapat dijamin menerusi pendidikan aliran Cina”.

Dalam satu ucapan yang disampaikan pada tahun 1952 sempena Perayaan Hari Guru, Lim mengutarakan ketidakpuasannya kepada Jawatankuasa Khas yang menerima cadangan untuk menukuhan sekolah kebangsaan sebagai teras pembinaan negara bangsa. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memperakarkan perundangan yang merangkumi kesemua aspek dasar pendidikan. Beliau hampa dengan hakikat orang Cina dipaksa secara keterlaluan menerima sekolah kebangsaan dan bahasa Cina tidak diberi kedudukan yang ketara di sekolah kebangsaan. Beliau bimbang hal ini pada akhirnya akan menyebabkan penghapusan pendidikan Cina. Baginya, penghapusan ini tidak masuk akal kerana bahasa Cina telah digunakan secara meluas di negara ini dan mempunyai nilai tersendiri yang setanding dengan bahasa Inggeris (Lim 1988: 4-5).

Penentangan Lim Lian Geok ke atas penubuhan sekolah kebangsaan bertambah gigih apabila beliau dilantik sebagai Penggerusi GPGSC. Bersama-sama dengan timbalannya, Sha Yuan Roo, mereka mengambil kesempatan lawatan Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu ke Persekutuan Tanah Melayu pada Ogos 1954 untuk mengemukakan satu memorandum. Antara lain, memorandum ini mendesak pemansuhan Ordinan Pelajaran 1952, penerimaan bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan serta peruntukan pendidikan

kepada semua kaum di Persekutuan mengikut asas kesaksamaan (*ibid*: 22-25). Jelasnya, Lim cuba mendapatkan sokongan luar untuk memaksa kerajaan British menggugurkan projek sekolah kebangsaan.

Seterusnya, Lim Lian Geok bertindak dengan mengemukakan satu perisytiharan pada 18 Oktober 1954 untuk menentang penubuhan sekolah kebangsaan. Pada masa itu, pelaksanaan sekolah kebangsaan sudah mengambil bentuk lain dengan terbitnya Kertas Putih pada bulan September. Kerajaan British cuba menukar sekolah vernakular secara beransur-ansur kepada sekolah kebangsaan dengan memperkenalkan kelas aliran kebangsaan di sekolah tersebut. Kertas Putih 1954 didakwa Lim sebagai lebih mengancam daripada Ordinan Pelajaran 1952 terhadap perkembangan sekolah Cina pada masa depan. Hal ini disebabkan hakikat bahawa kejayaan dalam pelaksanaan Ordinan Pelajaran 1952 bergantung kepada penubuhan sekolah kebangsaan dan seperti yang dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan besar yang terbabit dalam hal ini menjadi salah satu sebab yang memaksa kerajaan British menggugurnya dan sebaliknya memilih untuk memperkenalkan kelas aliran kebangsaan di sekolah vernakular. Pengenalan kelas aliran kebangsaan di sekolah vernakular dianggap kurang memerlukan perbelanjaan dan oleh itu, adalah dalam lingkungan kemampuan kewangan kerajaan British. Kesedaran terhadap ancaman Kertas Putih 1954 menyebabkan Lim bertindak dengan mengemukakan satu perisytiharan bagi menentang langkah yang bakal diambil kerajaan British. Salah satu isu pertikaian yang dibangkitkan perisytiharan ini ialah penggunaan satu bahasa yang sama untuk memupuk integrasi kaum. Walaupun perisytiharan ini bersetuju dengan usaha kerajaan British untuk mengadakan satu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat menjadi teras pembinaan negara bangsa, ia bagaimanapun, berbeza secara ketara dari segi cara hal ini dapat dicapai. Ia menegaskan sistem pendidikan kebangsaan sepatutnya memenuhi seberapa yang boleh keperluan bahasa dan budaya semua kaum dan satu-satunya cara untuk mencapai tujuan ini adalah menerusi pendekatan kepelbagaian bahasa. Dengan kata lain, perisytiharan ini menegaskan bahasa adalah alat dan bukan tujuan akhir mencapai proses pembinaan negara bangsa dan oleh itu, satu bahasa yang sama tidak semestinya akan memupuk perpaduan negara. Satu isu lagi ialah penubuhan sekolah kebangsaan telah menjelaskan usaha orang Cina untuk membangunkan pendidikan Cina bagi mengekalkan bahasa dan budaya mereka, sedangkan sebelum ini kerajaan pernah mengakui sumbangan pendidikan Cina di negara ini. Perisytiharan ini juga menegaskan atas perasaan kebertanggungjawaban, orang Cina telah menjadi rakyat setia negara ini dan oleh itu, bahasa Cina sepatutnya diiktiraf sebagai salah satu bahasa rasmi negara ini untuk membalaaskan ketaatan mereka kepada negara ini (*ibid*: 26-28).

Atas penentangan hebat daripada pendidik Cina, kerajaan British akhirnya menggugurkan cadangan penubuhan satu sistem sekolah kebangsaan bagi menggantikan sistem sekolah vernakular. Perlu dinyatakan di sini tanpa

sokongan MCA, pendidik Cina mungkin tidak dapat menghalang pelaksanaan sekolah kebangsaan atas kekuatan mereka sendiri. MCA di bawah kepimpinan Tan Cheng Lock memberi sokongan padu kepada pendidik Cina dalam isu penubuhan sekolah kebangsaan. Tan Cheng Lock disanjung pendidik Cina atas komitmennya ke atas perkembangan pendidikan Cina. Sejak pengkanungan Ordinan Pelajaran 1952, MCA telah membentuk pakatan kerja yang baik dengan GPGSC dan PPLPSC dalam mempertahankan pendidikan Cina menerusi saluran Jawatankuasa Pusat Pendidikan Cina MCA walaupun pada masa-masa tertentu, MCA lebih mengutamakan rundingan di belakang tabir daripada pendirian bersifat penentangan yang diambil pendidik Cina. Ketiga-tiga buah pertubuhan yang dikenali secara gabungan sebagai *San Da Jigou* atau Tiga Pertubuhan Utama ini memainkan peranan penting dalam mempertahankan kedudukan pendidikan Cina yang menghadapi proses penyusunan semula pendidikan yang diusahakan kerajaan British (Dong Zong Chuban Zu 1987: 572-585; Tan 1997: 122-123, 146-147).

Berbeza daripada Lim Lian Geok, Aminuddin Baki adalah penyokong sekolah kebangsaan. Beliau bertanggungjawab ke atas penubuhan sekolah kebangsaan yang diperakuan Jawatankuasa Barnes selaku salah seorang ahli jawatankuasa ini. Beliau menunjukkan minat peribadi terhadap peranan sekolah kebangsaan sebagai teras pembinaan negara bangsa. Dalam kertas yang bertajuk “Sekolah Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu: Masalah, Cadangan Kurikulum dan Aktiviti” yang ditulisnya pada tahun 1953, beliau mengulas konsep sekolah kebangsaan secara panjang lebar. Beliau amat bimbang akan ciri pengasingan pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu. Beliau berpendapat “kelemahan struktur pendidikan sedia ada dengan sistem pelbagai-vernakular telah dan akan menggalakkan pengasingan” (Aminuddin 1953: 1). Akibat kelemahan struktur ini, beliau menegaskan “kanak-kanak lelaki dan perempuan daripada kaum berbeza berkecenderungan bertentangan antara satu sama lain dan tidak diberikan peluang untuk bertemu antara satu sama lain atas landasan yang sama dan mesra” (*ibid*). Beliau begitu yakin penubuhan sekolah kebangsaan dapat membantu dalam memecahkan tembok pengasingan yang menurut pandangan beliau adalah halangan perkauman tiruan. Beliau berpendapat bahawa “adalah lebih baik kanak-kanak bergaduh antara satu sama lain di kaki lima dan padang permainan sekolah rendah daripada mereka membesar dalam pengasingan tanpa banyak mengenali antara satu sama lain dan lantaran itu berkecendurungan secara tabii untuk mencurigai antara satu sama lain” (*ibid*).

Aminuddin mempunyai pandangan lain tentang sekolah kebangsaan. Setelah memberi rasional tentang penubuhan sekolah kebangsaan, beliau seterusnya mencadangkan cara dan kaedah untuk memupuk integrasi etnik yang lebih luas. Beliau memberi penekanan terhadap kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Penekanannya ke atas kurikulum dan aktiviti kokurikulum untuk mencapai integrasi etnik yang lebih luas dipandu oleh kepercayaan bahawa:

... persekolahan pada sendirinya tidak banyak menyumbang ke arah penyelesaian konflik antara kaum tanpa bantuan kursus dan aktiviti yang dirancang secara sedar dalam cara yang akan melibatkan pelajar bekerja dan bermain secara bersama, berfikir tentang masalah yang sama dan bekerjasama secara aktif untuk menyelesaikan masalah serta menyedarkan mereka tentang hakikat saling pergantungan. Dengan kata lain, kita mesti mencari faktor kualitatif yang terbenam dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum (ibid: 9).

Aminuddin memberi keterangan yang terperinci tentang cara kurikulum sekolah kebangsaan sepatutnya dirangka untuk memupuk integrasi etnik yang lebih luas. Beliau menggariskan empat prinsip panduan. Prinsip panduan pertama ialah kurikulum sekolah kebangsaan perlu berorientasikan Persekutuan Tanah Melayu dan perlu mendukung matlamat menjadikan pelajar rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Akan tetapi, beliau berpendapat kurikulum sekolah kebangsaan tidak sepatutnya bercirikan Persekutuan Tanah Melayu semata-mata, sebaliknya meletakkan Persekutuan Tanah Melayu ke dalam arena antarabangsa atau serantau. Hal ini kerana beliau mengakui keperluan memupuk kefahaman dan kerjasama secara antarabangsa dalam kalangan pelajar Persekutuan Tanah Melayu. Keperluan ini membentuk prinsip panduan kedua. Prinsip panduan ketiga ialah kurikulum sekolah kebangsaan perlu menekankan sumbangan setiap kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Oleh itu, kurikulum perlu menitikberatkan budaya semua kaum selagi budaya tersebut tidak bercanggah dengan kesejahteraan Persekutuan Tanah Melayu. Prinsip panduan terakhir ialah setiap mata pelajaran sekolah perlu menyumbang ke arah membentuk perwatakan dan intelek pelajar dan juga mendorong pemupukan, baik secara langsung mahu pun secara tidak langsung, warganegara yang baik (ibid: 10-11).

Aminuddin amat tertarik dengan dua jenis mata pelajaran, iaitu Sejarah dan Geografi. Baginya, kurikulum kedua-dua jenis mata pelajaran ini berkemampuan memainkan peranan penting dalam memupuk integrasi etnik yang lebih luas. Beliau mempercayai sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum moden, cara Sejarah memupuk ketaatan patriotik amat sukar disaingi. Berhubung dengan mata pelajaran Geografi, beliau yakin akan sumbangannya dalam membentuk rakyat yang baik, berguna dan serba tahu. Secara keseluruhannya, beliau menyokong pendidikan kewarganegaraan sebagai teras utama kurikulum sekolah kebangsaan. Akan tetapi, beliau juga menyedari penekanan keterlaluan terhadap pemupukan kewarganegaraan mungkin akan menyebabkan pengabaian terhadap aktiviti akademik dan intelek lalu menjelaskan mutu pencapaian akademik. Baginya, cabaran utama kurikulum sekolah kebangsaan adalah untuk mencapai kesimbangan antara pemupukan warganegara yang baik dengan pengekalan mutu pendidikan (ibid: 11-18).

Kurikulum sekolah kebangsaan yang digariskan Aminuddin hanya dapat membantu kanak-kanak sekolah mempelajari sikap hubungan kaum yang diingini, tetapi bukan untuk mengalami kedinamikan interaksi etnik yang sebenar. Di sinilah aktiviti kokurikulum memainkan peranan dalam rangka sekolah kebangsaan yang dicadangkannya. Beliau menyenaraikan empat jenis

aktiviti, iaitu aktiviti kelas, aktiviti sekolah, aktiviti komuniti dan aktiviti melibatkan dunia luar yang boleh membantu kanak-kanak sekolah untuk terlibat dalam hubungan kaum. Hanya aktiviti yang dapat mencapai tujuan ini diperakukannya. Aktiviti berpusatkan kelas seperti penubuhan perpustakaan kelas dan penyediaan papan buletin dan gambar adalah antara aktiviti yang ditonjolkan beliau. Aktiviti berpusatkan sekolah yang dinyatakan beliau termasuk majlis menaikkan bendera dan perayaan Hari Persekutuan. Sesetengah aktiviti berpusatkan sekolah ini juga boleh dianjurkan sebagai aktiviti berpusatkan kelas. Bagaimanapun, beliau memperlihatkan pendirian yang agak berhati-hati terhadap permainan sekolah yang dijalankan mengikut garis perkauman. Menurutnya, permainan tersebut sepatutnya diharamkan. Sebaliknya, permainan yang membabitkan hubungan kaum sepatutnya digalakkan. Beliau menyedari keperluan menjalankan aktiviti kokurikulum di luar batasan kelas dan perkaraan sekolah. Beliau melihat ada keperluan untuk memperluas aktiviti kokurikulum bagi merangkumi aktiviti seperti lawatan ke masjid, gereja dan tokong kerana aktiviti ini dapat membantu pemupukan kefahaman terhadap komuniti tempatan. Malahan, beliau memasukkan aktiviti berkaitan dunia luar yang membabitkan pasukan beruniform seperti Palang Merah Remaja untuk membentuk satu kefahaman dunia luar yang mendalam dalam kalangan kanak-kanak sekolah (*ibid*: 20-24).

Aktiviti di atas hanya dapat dilaksanakan sekiranya sekolah kebangsaan pelbagai kaum ditubuhkan. Aminuddin Baki mengakui kesukaran untuk menubuhkan sekolah pelbagai kaum kerana ketebulannya struktur demografi penduduk Persekutuan Tanah Melayu dan kawasan pemasaran penduduk adalah mengikut garis perkauman. Sebenarnya, Jawatankuasa Khas telah mengakui masalah ini dan oleh itu, mencadangkan keutamaan diberikan kepada penubuhan sekolah bergabung atau sekolah kebangsaan yang berpusat atau *conforming* bagi menggantikan penubuhan beberapa buah sekolah kebangsaan yang kecil (*Federation of Malaya 1951c*: perenggan 29). Akan tetapi, Aminuddin menolak cadangan penubuhan sekolah bergabung ini, terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan yang didominasi oleh penduduk Melayu. Hal ini sedemikian kerana jumlah pelajar bukan Melayu di situ amat kecil untuk mendatangkan impak yang signifikan terhadap hubungan kaum. Walaupun beliau mengakui kesukaran untuk menghapuskan sekolah satu kaum, beliau terasa keterdesakkan untuk merapatkan mereka menerusi aktiviti yang membabitkan kerjasama dan yang mengajar kehidupan bersama demi mengelakkan berlakunya perkara yang akan merumitkan perbezaan dan permusuhan yang tidak sihat (Aminuddin 1953: 21-22).

#### BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA

Aminuddin Baki telah memainkan peranan penting dalam menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan

kebangsaan. Memorandum tentang Cadangan Sistem Pendidikan Kebangsaan yang dikemukakannya kepada Jawatankuasa Razak dan kedudukannya selaku pakar perunding dalam Jawatankuasa Rahman Talib telah membolehkannya mempengaruhi penggubalan Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib. Memandangkan beliau menyokong penubuhan sekolah kebangsaan semasa menjadi ahli Jawatankuasa Barnes, maka adalah wajar menyifatkannya menyokong sistem sekolah yang sama bagi memupuk perpaduan negara. Sistem sekolah ini menjadi asas kepada penggubalan Laporan Razak dan Rahman Talib. Namun, ia hanya dapat dilaksanakan pada peringkat menengah. Pada peringkat rendah, Jawatankuasa Razak dan Rahman Talib menerima sistem sekolah pelbagai bahasa. Nyata bahawa hal ini bercanggah dengan kepercayaan Aminuddin terhadap sistem sekolah yang sama bagi memupuk perpaduan negara. Akan tetapi, sistem sekolah pelbagai bahasa ini adalah tertakluk kepada isi kandungan kurikulum yang sama sebagai faktor utama dalam memupuk integrasi nasional menerusi proses pembudayaan. Isi kandungan kurikulum dilihatnya sebagai faktor penting dalam memupuk integrasi nasional sepertimana yang ditegaskannya dalam kertas kerja yang dihasilkan pada 1953. Dalam hal ini, Aminuddin telah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perakuan Laporan Razak untuk menetapkan isi kandungan kurikulum yang sama bagi semua sekolah rendah tanpa mengambil kira bahasa pengantar mereka.

Nyata bahawa kenaikan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan oleh Laporan Razak dan Rahman Talib didasari dua matlamat, iaitu untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa integrasi nasional secocok dengan status agungnya sebagai bahasa kebangsaan dan untuk meningkatkan mobiliti pendidikan orang Melayu, terutamanya pada peringkat menengah. Kedua-dua matlamat ini selaras dengan perjuangan jangka panjang Aminuddin Baki untuk mempertahankan status tinggi bahasa Melayu dengan menuntut penggunaannya sebagai bahasa pengantar (Hamdan 1987: 27). Atas kesungguhan beliau untuk mempertahankan bahasa Melayu dan pendidikan Melayu, beliau dilantik sebagai ahli lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau bekerja rapat dengan Syed Nasir Ismail, Pengarah DBP yang juga seorang pejuang bahasa Melayu. Dalam tempoh menjadi Pengarah DBP, Syed Nasir melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dengan lebih luas. Beliau adalah pemimpin Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan (BKKK). BKKK adalah kuasa pendorong utama nasionalisme linguistik Melayu sepanjang tempoh 1960-an (von Vorys 1976).

Memang tidak dapat diragui bahawa kenaikan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan bukan sahaja memberinya nilai integartif, malahan nilai instrumental. Pembinaan negara bangsa menerusi peruntukan pendidikan adalah gagasan yang dipegang kuat Aminuddin Baki. Akan tetapi, beliau juga mengambil berat mobiliti pendidikan

orang Melayu yang jauh ketinggalan daripada kaum lain. Dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, beliau yakin bahawa hal ini akan meningkatkan mobiliti pendidikan orang Melayu dalam pendidikan aliran perdana. Beliau mengaitkan keterbatasan mobiliti pendidikan orang Melayu dengan dasar pendidikan kerajaan British yang sengaja menafikan peluang pendidikan yang lebih tinggi kepada orang Melayu (Sulaiman 1994: 8).

Keprihatinan Aminuddin terhadap moiliti pendidikan orang Melayu boleh ditelusuri sejak zaman persekolahannya. Semasa belajar di Kolej Raffles, beliau dikejutkan dengan bilangan pelajar Melayu yang kecil yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Beliau memberi sokongan kepada Abdul Wahab Ariff yang membangkitkan masalah ini secara lantang. Abdul Wahab adalah pemimpin pelajar yang akhirnya menjadi Presiden pertama GPMS (Mohd. Tajuddin 1987: 12). Penglibatan Aminuddin dalam penubuhan GPMS pada tahun 1948 pada dasarnya didorong keprihatinannya ke atas kepentingan pendidikan orang Melayu (*ibid*: 18-19). Mesyuarat jawatankuasa sementara yang mendahului penubuhan GPMS dianggap R. S. Walker, Timbalan Pengarah Pelajaran ketika itu sebagai tindakan yang membawa kepada kemajuan kaum Melayu dan yang jelas menunjukkan keperluan pendidikan dalam kalangan orang Melayu (Hamdan 1987: 20). Akhbar *Sunday Tribute* juga memberi ulasan bahawa penubuhan satu badan pelajar Melayu yang bukan bersifat politik yang kuat dapat menjadikannya sebagai perwakilan yang berkesan antara pelajar dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, UMNO dan pertubuhan Melayu lain berhubung keperluan pendidikan mereka, terutamanya biasiswa, bantuan kewangan dan kemudahan yang lebih baik di sekolah Melayu, Inggeris dan Arab serta universiti di dalam dan di luar negara (Mohd. Tajuddin 1987: 5).

Memandangkan Aminuddin amat prihatin terhadap mobiliti pendidikan orang Melayu, maka adalah tidak menghairankan beliau ditugaskan untuk meninjau kelemahan pelajar menengah Melayu. Beliau menerbitkan sebuah laporan, *Laporan Aminuddin Baki*, pada tahun 1962. Laporan ini menonjolkan masalah pendidikan menengah Melayu yang diwujudkan perkongsian bangunan sekolah yang diselia seorang Guru Besar dan lantaran itu kelemahan berbangkit seperti kekurangan penyeliaan dan kemudahan serta perasaan kompleks rendah diri. Laporan ini juga menonjolkan masalah seperti kekurangan buku teks Melayu dan guru dwibahasa yang terlatih (Omar 1991: 41-42).

Walaupun penggubalan Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 telah membawa kepada kemajuan dan peningkatan pendidikan Melayu, Aminuddin tetap tidak berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Dalam ucapan sulung Gerakan Obor, iaitu satu gerakan peningkatan sosial, yang disampaikannya menerusi Radio Malaysia pada 21 Januari 1964, beliau memperingatkan orang Melayu untuk memperhebat usaha dalam bidang pendidikan dan juga dalam menguasai ilmu pengetahuan. Beliau mendesak orang Melayu untuk menukar sikap dan minda mereka selaras dengan keperluan semasa dan masa depan (Hamdan 1987: 33).

Di pihak lain, Lim Lian Geok menentang secara gigih matlamat akhir Laporan Razak untuk menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan, biarpun secara beransur-ansur. Beliau lebih mengambil berat impak langkah ini ke atas pembinaan negara bangsa daripada mobiliti pendidikan orang Melayu. Baginya, pembinaan negara bangsa dalam masyarakat majmuk sepatutnya menggunakan konsep kemajmukan budaya yang membolehkan semua bahasa dan budaya berkembang secara saksama. Pandangan ini selaras dengan pendiriannya semasa menentang penubuhan sekolah kebangsaan. Akan tetapi, usahanya untuk menentang matlamat akhir Laporan Razak dirumitkan dengan hakikat kepimpinan MCA yang sebelum ini menyokong penentangan pendidik Cina terhadap penubuhan sekolah kebangsaan telah berkompromi dengan parti komponen politik yang lain dalam Perikatan terhadap isu bahasa dan pendidikan. Memandangkan beberapa orang ahli utama MCA menganggotai Jawatankuasa Razak, maka adalah jelas MCA telah menyokong Laporan Razak. Sungguhpun tidak disokong MCA, pendidik Cina tetap meneruskan penentangan terhadap Laporan Razak. Sebagai tindakan untuk menyuarakan ketidaksetujuan terhadap matlamat akhir Laporan Razak, Lim bersama-sama dengan pendidik Cina lain berjumpa dengan Dato' Abdul Razak. Seperti yang tercatat dalam memoir Lim, Dato' Abdul Razak bersetuju untuk menggugurkan matlamat akhir Laporan Razak apabila Laporan Razak dikanunkan sebagai ordinan. Dato' Abdul Razak cuba menyakinkan Lim bahawa Laporan Razak hanya satu kenyataan dasar dan perakuannya tidak semestinya diserapkan ke dalam ordinan pelajaran yang baru (Lim 1990: 146-147). Lim berpuas hati apabila Ordinan Pelajaran 1957 tidak memasukkan matlamat akhir Laporan Razak. Perenggan 3 Ordinan ini menyebut:

Dasar pendidikan Persekutuan adalah untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh diterima oleh rakyat pada keseluruhannya, yang akan memenuhi keperluan dan menggalakkan perkembangan budaya, sosial, ekonomi dan politik mereka sebagai satu negara, dengan tujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini di samping memelihara dan mempertahankan pertumbuhan bahasa dan budaya rakyat selain orang Melayu yang menetap di negara ini (Federation of Malaya 1957).

Sejak itu, Ordinan Pelajaran 1957 telah menjadi *sine quo non* kepada pendidik Cina untuk mempertahankan pendidikan Cina. Bagi Lim Lian Geok, perenggan 3 Ordinan Pelajaran 1957 telah mendukung prinsip asas fasal 152 Perlembangan Persekutuan yang antara lain menyatakan tidak ada seorang pun yang akan dilarang atau dihalang daripada menggunakan (kecuali untuk urusan rasmi), mengajar atau mempelajari mana-mana bahasa. Akan tetapi, beliau kecewa apabila Laporan Rahman Talib dan kemudian Akta Pelajaran 1961 telah memilih untuk menguatkuasakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pada peringkat menengah menerusi pertukaran sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan, biarpun langkah ini dibidas Lim

sebagai bercanggah dengan perenggan 3 Ordinan Pelajaran 1957 dan juga fasil 152 Perlembagaan Persekutuan.

Penggubalan Laporan Rahman Talib menyebabkan perpecahan antara MCA dengan pendidik Cina. Seperti Laporan Razak, MCA juga terlibat dalam penggubalan Laporan Rahman Talib menerusi wakilnya dalam Jawatankuasa Rahman Talib. Jelasnya, Lim Lian Geok terganggu dengan hakikat bahawa MCA telah menyokong Laporan Rahman Talib yang mengancam pendidikan menengah Cina. Beliau bertikam lidah dalam media bercetak dengan Leong Yew Koh, seorang ahli MCA dalam Jawatankuasa Rahman Talib. Pada masa itu, Leong adalah Menteri Keadilan. Pertikaman lidah ini amat sengit sehingga menjadi serangan peribadi dengan kedua-dua pihak mencela dan mencaci satu sama lain (Lim 1989; Tan 1997: 271). Perpecahan antara pendidik Cina dengan MCA memang tidak dijangka pendidik Cina yang sebelum ini telah bekerja rapat dengan MCA dalam tempoh Lim Chong Eu menjadi Presiden MCA. Lim telah merebut kepimpinan MCA daripada Tan Cheng Lock pada tahun 1958 melalui sokongan pemimpin muda dalam MCA. Beliau berazam untuk memikat sokongan pendidik Cina bagi memperkuuh kedudukannya sebagai pemimpin politik mewakili kepentingan komuniti Cina dalam Perikatan. Untuk mencapai tujuan ini, beliau menyokong secara terbuka tuntutan pendidik Cina untuk menaikkan taraf bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi Persekutuan. Bagaimanapun, kerjasamanya dengan pendidik Cina tidak disenangi pemimpin UMNO yang mendakwa tindakan itu perbuatan yang mengkhianati Perikatan. Hubungannya dengan UMNO semakin renggang apabila beliau menuntut secara agresif pengagihan kerusi kepada MCA dalam pilihan raya 1959 yang akan datang. Pemimpin UMNO berasa begitu marah sehingga mereka rela bertanding secara persendirian dalam pilihan raya yang akan datang. Kemelut ini menyebabkan Lim dan penyokongnya tidak ada pilihan, kecuali meninggalkan MCA. Kepimpinan MCA kemudian diambil alih pemimpin yang rela bekerjasama dengan UMNO (Cheah 1984, 1988; Heng 1988 & Sidmanjuntak 1969).

Isu utama yang dipertikaikan pendidik Cina ke atas penggubalan Laporan Rahman Talib ialah pertukaran sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan bagi memenuhi matlamat akhir Laporan Razak untuk menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Lim Lian Geok membantah langkah untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai teras pembinaan negara bangsa. Pada 12 Ogos 1960, semasa berucap dalam Jawatankuasa Kerja GPGSC, beliau mempertikaikan perakuan Rahman Talib untuk menggunakan bahasa kebangsaan bagi memupuk kesedaran nasional dalam kalangan pelajar. Beliau hanya menganggap bahasa kebangsaan sebagai alat untuk komunikasi antara kaum dan menegaskan perkembangan bahasa lain tidak sepatutnya disekat bahasa kebangsaan. Beliau nampaknya tidak melihat peranan bahasa kebangsaan menjangkaui fungsi komunikatifnya. Dalam percubaan untuk mempertahankan peranan sekolah Cina dalam konteks pembinaan negara bangsa, beliau

berpendapat sekolah Cina sebenarnya telah memenuhi tanggungjawab mereka kepada negara dengan mengajar bahasa kebangsaan sebagai satu mata pelajaran dan dengan menggunakan isi kandungan kurikulum yang sama. Beliau mendesak jemaah pengurus sekolah menengah Cina agar tidak akur dengan Laporan Rahman Talib dan menyeru mereka agar berdikari demi mengatasi masalah mereka (Jiao Zong 33 Nian Bianji Shi 1987: 439). Lim mengulangi pendiriannya tentang penggunaan bahasa kebangsaan untuk memupuk kesedaran nasional dalam satu pernyataan yang diterbitkan pada 20 Ogos 1960. Beliau memetik kes negara pelbagai bahasa seperti Kanada dan Switzerland untuk menyokong hujahnya tentang kesedaran nasional boleh dipupuk menerusi mana-mana satu jenis bahasa (Lim 1988:91). Akan tetapi, Lim gagal mencapai tujuannya. Banyak sekolah menengah Cina tidak menuruti nasihatnya dan akhirnya membuat keputusan untuk bertukar kepada sekolah aliran kebangsaan kerana desakan untuk mendapatkan bantuan kerajaan.

#### KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Peralihan daripada pemerintahan penjajah kepada pemerintahan sendiri pada tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an telah mengubah landskap pendidikan negara ini. Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki telah memainkan peranan yang berbeza dalam dua tempoh yang genting ini. Lim memainkan peranan penting dalam menangkis percubaan kerajaan British untuk menubuhkan sistem sekolah kebangsaan sebagai teras pembinaan negara bangsa. Beliau seorang penyokong kemajmukan budaya dan mempertahankan sistem sekolah pelbagai bahasa sebagai teras pembinaan negara bangsa. Beliau menaruh kepercayaan kepada kewujudan dan kemajuan bersama semua kumpulan etnik dalam masyarakat majmuk sebagai konsep dasar pembinaan negara bangsa. Di pihak lain, Aminuddin Baki penyokong asimilasi struktural. Asimilasi struktural membabitkan “interaksi sosial yang bertambah dalam kalangan kumpulan etnik yang berbeza” (Marge 2003: 107). Aminuddin berharap untuk mencapai proses asimilasi ini menerusi penubuhan sistem sekolah kebangsaan di mana kanak-kanak melalui satu proses persekolahan yang sama bagi menggalakkan interaksi etnik yang dapat mewujudkan hubungan etnik dengan lebih baik.

Apabila ditinjau kembali, sesetengah pandangan Aminuddin Baki tentang sekolah kebangsaan terbukti relevan dalam konteks semasa. Antaranya, jenis pendidikan sekolah kebangsaan yang digariskannya amat menyerupai pendidikan pelbagai budaya dan etnik yang kini diamalkan di negara Barat (Banks 1999; Lynch 1986). Selain itu, beliau memberi penekanan sewajarnya kepada peranan kurikulum yang tersembunyi, termasuk majlis menaikkan bendera, untuk memupuk warganegara yang baik dalam kalangan pelajar. Kurikulum yang tersembunyi itu telah menjadi satu tema utama dalam sosiologi pendidikan, terutamanya dari perspektif pendukung fahaman Marxist yang cuba

meninjau semula konsep kurikulum tersembunyi yang diajukan pendukung fahaman fungsionalist (Feinberg & Soltis 2004). Tambahan pula, pandangannya tentang keperluan merapatkan sekolah satu kaum menerusi aktiviti kokurikulum yang dapat menggalakkan pemahaman antara satu sama lain mirip dengan Rancangan Intergrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) yang kini dijalankan Kementerian Pelajaran dan disokong pendidik Cina sebagai rancangan yang mampu mempupuk integrasi etnik yang lebih luas. Akan tetapi, walaupun mempunyai pandangan yang jauh ke depan tentang sekolah kebangsaan, beliau gagal menangani isu teras, iaitu penggunaan satu bahasa yang sama, yang menyebabkan pendidik Cina menolak penubuhan sekolah kebangsaan sebagai teras pembinaan negara bangsa. Beliau juga gagal mengambil kira pandangan terbukti kukuh yang menyatakan bahasa ibunda adalah bahasa pengantar yang paling sesuai untuk memulakan pendidikan rendah. Misalnya, kekuatan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar telah dinyatakan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang menegaskan “adalah jelas dan nyata bahawa pengantar yang paling baik untuk mengajar kanak-kanak ialah bahasa ibundanya” (Cummins 1979: 223) dan oleh itu, “setiap usaha mesti dijalankan untuk memberikan pendidikan dalam bahasa ibunda” (Eastman 1983: 83). Pernyataan ini dipetik daripada laporan tentang Penggunaan Bahasa Vernakular di Sekolah yang diterbitkan UNESCO pada tahun 1953, iaitu pada masa yang agak sama Aminuddin menulis kertas peribadi beliau tentang sekolah kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu.

Walaupun Lim Lian Geok berjaya menangkis percubaan kerajaan British untuk menubuhkan jenis sekolah kebangsaan untuk menggantikan sistem sekolah vernakular pelbagai bahasa, beliau gagal mempertahankan status sekolah menengah Cina pada awal tahun 1960-an. Sekolah menengah Cina menghadapi tekanan hebat untuk bertukar kepada sekolah menengah aliran kebangsaan bagi memenuhi pendirian kerajaan Perikatan untuk menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Sementara itu, Aminuddin Baki telah memainkan peranan yang signifikan dalam usaha kerajaan Perikatan dengan menaikkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama berdasarkan kedudukan beliau sebagai salah seorang perancang pendidikan utama pada tahun 1960-an. Kenaikan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama bukan sahaja membolehkan bahasa kebangsaan menjadi bahasa integrasi nasional, malahan memberi kelebihan kepada orang Melayu dari segi kemajuan pendidikan dalam pendidikan aliran perdana. Kedua-dua isu ini diutamakan Aminuddin Baki sepanjang tempoh penglibatannya dalam proses penyusunan semula sistem pendidikan di negara ini. Tidak hairanlah Hamdan (1987: 12), seorang lagi tokoh pendidikan Melayu, menganggap Aminuddin sebagai arkitek pelaksanaan sistem pendidikan dalam tempoh beliau menjadi Ketua Penasihat Pelajaran Kebangsaan. Beliau menyanjung Aminuddin sebagai seorang yang memperkuuh asas sistem pendidikan kebangsaan.

## RUJUKAN

- Aminuddin Baki. 1953. *The National School of Malaya: Its Problems, Proposed Curriculum and Activities*. Kertas peribadi yang dicetak oleh Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1981.
- Banks, J.A. 1999. *An Introduction to Multicultural Education*. Needham Heights: Allyn and Bacon.
- Chai Hon-Chan. 1977. *Education and Nation-Building in Plural Societies: The West Malaysian Experience*. Canberra: The Australia National University. (Development Studies Centre Monograph No. 6).
- Chang Ming Phang, Paul. 1973. *Educational Development in a Plural Society: A Malaysian Case Study*. Singapore: Academia Publications.
- Cheah See Kian. 1984. *Malaxiya Huaren Zhengzhi Sichao de Yanbian* (Perubahan Aliran Pemikiran Politik Orang Cina di Malaysia). Penang: S.K. Cheah.
- \_\_\_\_\_. 1988. *Lin Cangyou Pingzhuan* (Kritikan dan Tinjauan terhadap Lim Chong Eu). Penang: Island Publications.
- Cummins, J. 1979. Linguistic Interdependence and the Educational Development of Bilingual Children. *Review of Educational Research* 49, 222-251.
- Dong Zong Chuban Zu. 1987. *Dong Zong Sanian* (Dong Zong 30 Tahun). Jilid III. Kuala Lumpur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia.
- Eastman, C.M. 1983. *Language Planning: An Introduction*. San Francisco: Chandler & Sharp.
- Federation of Malaya. 1950. *Central Advisory Committee on Education: First Report*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1951a. *Report of the Committee on Malay Education*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1951b. *Chinese School and the Education of Chinese Malaysians: The Report of a Mission Invited by the Federation Government to Study the Problems of the Education of Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1951c. *Report of the Special Committee Appointed on the 20<sup>th</sup> Day of September, 1951 to Recommend Legislation to Cover All Aspects of Educational Policy of Malaya*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1954. *Report of the Special Committee Appointed by the High Commissioner in Council to Consider Ways and Means of Implementing the Policy Outlined in the Education Ordinance, 1952, in the Context of Diminishing Financial Resources of the Federation*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1956. *Report of the Education Committee 1956*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1957. *The Education Ordinance, 1957*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1960. *Report of the Education Review Committee 1960*. Kuala Lumpur: Government Press.
- \_\_\_\_\_. 1961. *Education Act, 1961*. Kuala Lumpur: Acting Government Printer.
- Feinberg, W. & Soltis, J.F. 2004. *School and Society*. New York: Teachers College Press.

- Freedman, A.L. 2000. *Political Participation and Ethnic Minorities: Chinese Overseas in Malaysia, Indonesia, and the United States*. New York dan London: Routledge.
- Hamdan Sheik Tahir, Tan Sri Datuk 1987. *Aminuddin Baki dan Sumbangannya terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Pidato Umum Aminuddin Baki. 7 November, Yayasan Aminuddin Baki, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Haris bin Md. Jadi. 1983. *Ethnicity, Politics and Education: A Study in the Development of Malayan Education and its Policy Implementation Process*. Ph.D. Thesis, University of Keele.
- Heng Pek Koon. 1988. *Chinese Politics in Malaysia: A History of the Malaysian Chinese Association*. Singapore: Oxford University Press.
- Jiao Zong 33 Nian Bianji Shi. 1987. *Jiao Zong 33 Nian* (Jiao Zong 33 Tahun). Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia.
- Kuhn, P.A. 2008. *Chinese among Others: Emigration in Modern Times*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Lim Lian Geok. 1988. *Huawen Jiaoyu Huyulu* (Himpunan Ucapan Lim Lian Geok tentang Pendidikan Cina). Kuala Lumpur: Jawatankuasa Yayasan Lim Lian Geok.
- \_\_\_\_\_. 1989. *Lin Liang Gongan* (Kes Lim dan Leong). Kuala Lumpur: Jawatankuasa Yayasan Lim Lian Geok.
- \_\_\_\_\_. 1990. *Fenyu Shibanian* (Badai Lapan Belas Tahun). Vol. II. Kuala Lumpur: Jawatankuasa Yayasan Lim Lian Geok.
- Loh Fook Seng, Philip. 1975. *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lynch, J. 1986. *Multicultural Education: Principles and Practice*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Marger, M.N. 2003. *Race and Ethnic Relations: American and Global Perspectives*, Washington, DC: Wadsworth/Thomson Learning.
- Mohd. Tajuddin bin Haji Abdul Rahman. 1987. *Aminuddin Baki: Tokoh Pendidikan*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Omar Mohd. Hashim. 1991. *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramanathan, K. 1992. *Politik dalam Pendidikan Bahasa 1930-1971*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ratnam, K.J. 1965. *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Roff, M. 1967. The Politics of Language in Malaya. *Asian Survey* 7, 316-328.
- Roff, W.R. 1974. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sidmanjuntak, B. 1969. *Malayan Federalism 1945-1963: A Study of Federal Problems in a Plural Society*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sohaimi Abdul Aziz, Md Salleh Yaapar & Haron Daud. 2007. Peranan dan Sumbangan Tokoh-tokoh Pendidikan Tinggi di Malaysia. Dlm. Zailan Moris (ed.). *50 Tahun Pembangunan Pendidikan Tinggi di Malaysia (1957-2007)*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara dan Penerbit Universiti Sains Malaysia, 64-125.

- Solomon, J.S. 1988. *The Development of Bilingual Education in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Sulaiman bin Zakaria. 1994. *Cendekiawan Ulung*. Petaling Jaya: Penerbit Setiamas.
- Tan Liok Ee. 1995. Descent and identity: The different paths of Tan Cheng Lock, Tan Kah Kee and Lim Lian Geok. *Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society* 68(1), 1-28.
- \_\_\_\_\_. 1997. *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- von Vorys, K. 1976. *Democracy without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wong Hoy Kee, Francis & Ee Tiang Hong. 1971. *Education in Malaysia*. Singapore: Heinemann.
- Yen Ching-Hwang. 2008. *The Chinese in Southeast Asia and Beyond: Socioeconomic and Political Dimensions*. Singapore: World Scientific.
- Zawiah Yahya. 2003. *Resisting Colonialist Discourse*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

(Sumber asalnya adalah kertas kerja dalam bahasa Inggeris dengan judul *Educational Development in Malaysia: The Roles of Lim Lian Geok and Aminuddin Baki* yang telah dibentangkan di *National Seminar on Lim Lian Geok and the Malay World* pada 19 November 2009, di Kolej Era Baru, Kajang, Selangor).

Penulis dan penterjemah: Tan Yao Sua Ph D.  
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang

Emel: yaosua@usm.my